

21 JUN 1998

Umno/I (Analisis Berita)

MAHATHIR, KUKUH DI TERAJU, BERTINDAK BALAS

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Ucapan pembukaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perhimpunan agung Umno selalunya dianggap sebagai "ucapan terpenting tahunan" dan begitulah juga pada tahun ini.

Ia adalah seperti Ucapan Negara Presiden Amerika Syarikat yang memaparkan agenda negara itu untuk sesuatu tahun.

Tahun ini ucapan itu adalah sesuatu yang dinanti-nantikan oleh rakyat Malaysia dan juga para pemerhati kerana tidak seperti tahun-tahun lepas apabila Malaysia menikmati ekonomi yang sungguh baik, ia sekarang sedang berhadapan dengan kegawatan ekonomi yang terburuk pernah dilaluinya akibat kejatuhan nilai matawang serantau.

Tetapi perhimpunan agung tiga hari parti terbesar dalam kerajaan campuran yang memerintah itu yang berakhir petang ini menyaksikan lebih banyak isu-isu kontroversi pada agendanya daripada yang sudah-sudah, timbul di tengah-tengah dakwaan ketua sayap pemuda parti itu mengenai amalan nepotisme dan kronisme dalam pemberian projek penswastaan dan beberapa artikel dalam majalah-majalah antarabangsa mendesak Dr Mahathir meletak jawatan dan menyerahkan kuasa kepada timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dalam tindak balasnya, Dr Mahathir membuat kejutan semalam apabila beliau mengeluarkan senarai nama-nama beberapa ratus orang yang diberi kontrak projek penswastaan. Dan hari ini satu lagi senarai dikeluarkan mengandungi nama-nama mereka yang menerima peruntukan saham khas untuk Bumiputera bernilai berjuta-juta ringgit dari syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur.

Pendedahan itu menghangatkan perbincangan dalam suasana berhawa dingin dalam Dewan Merdeka di Pusat Dagangan Dunia Putra, yang sejak lama menjadi pentas persembahan politik terbesar negara setiap tahun.

Pada awal ucapan pembukaannya Jumaat lepas, Dr Mahathir, dalam nada pedas kebiasaannya, "menterbalikkan meja" ke atas para pengkritik asingnya, berkata krisis ekonomi serantau adalah percubaan Barat untuk menjajah semula Malaysia.

Malaysia, katanya, seperti juga jiran-jirannya di Asia Tenggara, menjadi mangsa kepada penjajah-penjajah itu yang boleh dikatakan telah memusnahkan ekonomi negara rantau ini yang sebelum ini digelar ekonomi-ekonomi harimau di rantau ini melalui globalisasi, liberalisasi dan deregulasi.

Majalah Asian Wall Street Journal yang berpengaruh itu, umpamanya, dalam laporannya minggu lepas, mendesak Perdana Menteri supaya mengumumkan "rancangan persaraannya" pada perhimpunan agung itu untuk memberi jalan kepada Anwar.

Tanda-tanda yang Dr Mahathir akan membuat kejutan pada perhimpunan itu menjadi ketara apabila beliau dikatakan melepaskan amaran pada satu mesyuarat tertutup dengan para pemimpin parti peringkat kebangsaan, negeri dan bahagian Rabu lepas.

"Dr Mahathir berkata dalam mesyuarat itu bahawa sekiranya India dan Pakistan boleh membuat bom nuklear, beliau juga ada bom yang boleh diletupkan sekiranya perlu," kata seorang anggota parti yang hadir pada mesyuarat itu.

Dr Mahathir, yang pernah beberapa kali memberitahu penemuramahnya bahawa beliau menganggap kedudukannya sebagai presiden Umno lebih penting daripada sebagai Perdana Menteri, hari ini mengambil selama 90 minit untuk

menjawab para pengkritiknya.

Bercakap dalam nada perlahan untuk memperdengarkan tindak balasnya kepada perwakilan seramai 1,900 orang, Perdana Menteri jelas tersentak dengan kritikan-kritikan nepotisme dan kronisme yang dilempar bukan sahaja oleh Barat tetapi juga oleh ketua sayap Pemuda sendiri, Datuk Ahmad Zahid Hamidi.

Zahid, pada perhimpunan Pemuda pada hari Khamis, bercakap lantang mendesak supaya diberhentikan "pembahagian tidak adil" kekayaan negara melalui penswastan projek.

Dr Mahathir membalas kritikan Zahid secara terus terang, menyatakan bahawa malang sekali ia datang dari seorang anggota kanan parti, yang memilih untuk membincangkan perkara itu secara terbuka, dan dengan itu menggugat perpaduan parti dan kestabilan negara, walhal Zahid sepatutnya membangkitkan isu itu dalam mesyuarat Majlis tertinggi parti.

Beliau mengingatkan anggota parti mengenai apa yang berlaku di Indonesia di mana isu nepotisme dan kronisme menyebabkan teretusnya kekacauan sosial yang membawa kepada kejatuhan Presiden Suharto bulan lepas.

Tetapi beliau berkata tidak apa yang boleh dibandingkan dengan apa yang berlaku di Indonesia dengan keadaan di Malaysia. Katanya di Indonesia (beliau tidak menyebut nama negara itu), boleh dikatakan kesemua projek penswastan diberi kepada anak-anak bekas presiden itu dan kroni-kroninya.

"Senarai yang diumumkan itu menunjukkan beratus-ratus orang mendapat faedah daripada penswastan dan pengeluaran saham khas (Bumiputera) di Malaysia.

"Ramai mereka yang tidak kenali oleh saya dan juga menteri-menteri (Kabinet). Saya mengaku yang anak-anak saya diberi (peruntukan) saham tetapi mereka tidak mendapat lebih dari yang lain. Apabila kita bercakap mengenai nepotisme dan kronisme, ia bermakna faedahnya hanya diperolehi oleh beberapa orang yang terdekat dengan pemimpin sesebuah negara, tetapi di sini beribu-ribu juga mendapat faedah," katanya.

"Apabila Ketua Pemuda sendiri membuat tuduhan ini, ia adalah seperti melempar najis yang akan terpalit kepada semua kita, termasuk saya," katanya.

Para penerima saham khas itu yang berjumlah antara beratus ribu hingga berjuta unit, termasuk ketiga-tiga orang anak lelaki Dr Mahathir, bapa mertua Anwar, bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Ghafar Baba dan Tan Sri Musa Hitam dan seorang anak perempuan Penasihat Ekonomi Kerajaan Tun Daim Zainuddin.

Anwar sekali lagi menyatakan jaminan bahawa tidak langsung terfikir olehnya untuk mencabar Dr Mahathir untuk jawatan presiden pada pemilihan parti yang dijadualkan tahun depan.

Beliau terpaksa berbuat demikian kerana Dr Mahathir dalam ucapan penggulungnya berkata bahawa sementara beliau tidak ragu-ragu dengan kesetiaan dan sokongan Anwar terhadapnya, ada masa-masanya beliau (Dr Mahathir) tidak begitu yakin dengan itu (sokongan dan kesetiaan Anwar) disebabkan kenyataan-kenyataan yang dikatakan dibuat oleh Anwar mengenai itu yang dilaporkan dalam media asing.

Anwar mengakui hari ini bahawa beliau telah sering ditanya oleh wartawan asing mengapa beliau tidak berani bertanding untuk jawatan Presiden, yang membawa bersamanya jawatan Perdana Menteri.

"Malahan seorang dari mereka memberitahu saya bahawa "undercurrents were very strong" dan saya akan menang kerana dia kata saya ada 65 peratus sokongan daripada anggota Umno. Mengapa saya harus berbuat demikian...bagi saya kepentingan negara dan parti adalah segala-galanya," kata Anwar.

Seorang wartawan Australia bertanya Dr Mahathir pada sidang berita selepas itu, adakah sokongan yang diberikan kepada beliau dan Anwar bermakna beliau akan menjadi presiden dan perdana menteri selama empat

tahun lagi.

Katanya nampaknya begitulah tetapi apapun boleh terjadi. "Mungkin empat tahun, tetapi pada masa yang sama saya boleh menarik diri dalam tempoh itu. Ini adalah satu keputusan peribadi yang belum lagi saya fikirkan," katanya.

Dr Mahathir sekali lagi muncul gagah pada perhimpunan agung untuk terus menduduki kerusi peneraju parti tetapi jelas beliau juga sedang memikirkan mengenai agenda pertama negara masa kini iaitu memulihkan keadaan ekonomi negara.

"Saya sentiasa bekerja termasuk pada hari Sabtu dan Ahad, untuk cuba menyelesaikan masalah kita. Kadang-kala saya tidak boleh tidurpun memikirkan mengenai ekonomi negara, kejatuhan ringgit dan masalah lain," katanya.

Bagaimanapun bagi Zahid perhimpunan agung yang baru selesai ini mengundang masalah kepadanya.

Beliau telah menunjukkan taringnya dalam parti yang masih belum dapat menerima kritikan secara terbuka yang sebaliknya menikam dirinya sendiri.

--BERNAMA

au wat oba